

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI SELASA, 20 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 1 (A118)

Jumlah pelaburan di negeri Johor adalah yang tertinggi di Malaysia. Apakah kesan positif yang dinikmati oleh rakyat Negeri Johor keseluruhannya?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 2 (A89)

Minta dinyatakan apakah bentuk limpahan ekonomi kepada daerah-daerah di luar kawasan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 3 (A35)

Projek JS-SEZ dilihat lebih tertumpu di kawasan Sedenak, Iskandar Puteri, Tanjung Pelepas, Senai, JB City, Pasir Gudang, Desaru dan Pengerang. Apakah perancangan atau peluang untuk kawasan di Utara Johor seperti Bekok untuk menikmati JS-SEZ ?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 4 (A145)

Dalam sektor manakah Kota Tinggi dijangka menerima manfaat terbesar hasil daripada JS-SEZ?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 5 (A79)

Peningkatan tumpuan pembangunan di kawasan JS-SEZ berpotensi menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi dengan daerah lain, apakah langkah konkrit yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan limpahan manfaat JS-SEZ untuk dinikmati daerah-daerah luar zon tersebut, dan bukan tertumpu di daerah Johor Bahru?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 6 (A96)

Masjid Al-Redzuan Kampung Sri Dalam telah mengalami kerosakan struktur dan retak akibat pemendapan tanah. Pemeriksaan dan penilaian telah dilakukan oleh JKR Muar pada Mei 2023. Walau bagaimanapun kerja baikpulih masih tertangguh sekian lama kerana belum menerima kelulusan. Mohon ia disegerakan.

YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 7 (A188)

Apakah langkah penguatkuasaan atau inisiatif khusus di peringkat negeri yang sedang (atau akan) diambil bagi mengekang peniaga daripada menaikkan harga sewenang-wenangnya dan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah tersebut setakat ini dalam melindungi pengguna Johor?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 8 (A58)

Apakah status terkini projek tebatan banjir yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Tambatan Banjir Berkeutamaan Tinggi (TBBT) dan adakah kerajaan negeri mengambil langkah proaktif bagi mempercepatkan projek ini memandangkan keadaan banjir di negeri Johor kerap berlaku.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 9 (A62)

Johor baru-baru ini dilanda banjir dan memberi kesan besar kepada rakyat. Bolehkah kerajaan menyatakan status terkini setiap projek tebatan banjir di Johor dan projek hotspot banjir khususnya di kawasan bandaraya Johor Bahru termasuk peruntukan yang digunakan serta jangkaan tempoh siap?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 10 (A23)

Apakah perkembangan penyelesaian hotspot banjir di Johor dan berapa banyak kawasan hotspot banjir yang telah berjaya di selesaikan?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 11 (A198)

Memandangkan negara Malaysia menuju ke arah negara tua menjelang tahun 2030, apakah perancangan yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan golongan warga emas di negeri ini sentiasa terbela?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 12 (A138)

Apakah perancangan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha untuk melahirkan pemain bola sepak anak jati kelahiran Johor sendiri?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 13 (A139)

Adakah persatuan bola sepak yang ada disetiap daerah mendapat kerjasama dari kerajaan negeri untuk membantu dari segi latihan dan kewangan supaya persatuan ini juga dapat membantu mencungkil bakat anak jati Johor yang boleh bermain bola sepak disetiap daerah?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 14 (A82)

Sedili telah bersedia menyediakan pelan pelancongan dibeberapa destinasi menarik untuk dilawati, apakah rangsangan pelancongan yang disediakan dan telah dirancang seiring dengan Tahun Melawat Johor 2026 khasnya untuk menerima pelancong dan kehadiran orang luar masuk khasnya ke Sedili?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 15 (A87)

Apakah inisiatif baharu yang dirancang oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan industri pelancongan luar bandar di negeri Johor?

YB TUAN HAJI HAHSRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 16 (A105)

Apakah insentif atau polisi khas yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri Johor bagi menarik pelaburan sektor eko-tourism di kawasan luar bandar, dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan baru dan meningkatkan pendapatan alternatif untuk penduduk setempat?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 17 (A77)

Apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk mempastikan matlamat penubuhan Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC) sampai kepada Bangsa

Johor? Sejauh manakah prestasi JTDC pada hari ini berjaya menarik minat Bangsa Johor untuk menabur bakti di Negeri Johor?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 18 (A16)**

Industri kelapa dilihat mempunyai potensi besar pada masa akan datang, selari dengan komitmen negara China dalam permintaan hasil pertanian ini. Apakah ada hasrat kerajaan negeri untuk mengambil peluang bagi menjana pendapatan baru negeri, pekebun di negeri Johor ?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 19 (A31)**

Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan Negeri Johor bagi memastikan penglibatan aktif para pekebun kecil dan usahawan tempatan dalam memanfaatkan peluang eksport kelapa segar ke pasaran China susulan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dan China baru-baru ini?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 20 (A84)**

Bagaimanakah kerajaan negeri bersedia untuk menangani kesan sosial dan ekonomi daripada penstrukturran semula subsidi dan kenaikan cukai dirancang oleh Kerajaan Persekutuan (contohnya penstrukturran semula subsidi petrol, pendidikan dan kesihatan)?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 21 (A203)**

Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menangani hakisan pantai di Kawasan Senggarang kerana pada ketika ini sedang berlaku hakisan yang ketara terhadap hakisan pantai di Pantai Parit Hylam, Parit Botak dan Sri Pantai.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 22 (A2)**

Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Daerah Pontian, dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak JPS untuk menangani masalah ini?

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 23 (A121)**

Apakah terdapat sebarang cadangan daripada kerajaan negeri untuk menambah jumlah barang serta peruntukan Jualan Kasih Johor yang sering mengalami masalah kekurangan bekalan berbanding permintaan?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 24 (A181)

Nyatakan bilangan orang kurang upaya mengikut kategori umur, bilangan OKU yang sedang bekerja di swasta dan kerajaan serta rancangan Kerajaan Negeri Johor untuk membantu OKU untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 25 (A63)

Mahasiswa Johor merupakan tunggak dan nadi dalam membangunkan anak bangsa Johor yang berkualiti. Apakah tindakan kerajaan negeri Johor dalam membina pembangunan kepimpinan di kalangan mahasiswa Johor?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 26 (A129)

Bagaimana persiapan Sukan Bangsa Johor yang akan diadakan di Stadium TMIYC Muar akan datang dan berapa kos perbelanjaan keseluruhan SBJ ini?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 27 (A126)

Kuota bilangan guru Al-Quran am yang mendapat elaun di daerah Muar adalah 30% daripada 267 orang guru. Adakah perancangan daripada pihak kerajaan negeri supaya dinaikan kepada 60% guru Al-Quran yang mendapat elaun tersebut atau mana-mana nilai yang lebih munasabah?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 28 (A109)

Mohon penjelasan pihak kerajaan negeri bagi memastikan pengeluaran padi di daerah Mersing mendapat perhatian sewajarnya akibat pembatalan cadangan jelapang padi bagi sawah padi di daerah Mersing.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 29 (A69)

Bagaimakah JTDC menyelaraskan program latihan dan peluang pekerjaan bagi memastikan graduan TVET dari DUN Pekan Nanas mendapat pekerjaan yang setimpal dengan kemahiran mereka, terutamanya dalam Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ)?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 30 (A128)

Nyatakan jumlah keciciran murid sekolah rendah ke sekolah menengah dan apakah tindakan mengatasi masalah keciciran ini bagi memenuhi kempen sifar cicir sekolah di dalam negeri Johor?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 31 (A154)**

Apakah kaedah PBT supaya memastikan setiap pemaju perumahan menyerahkan kawasan serta pembinaan infra yang berkaitan tidak melebihi 5 tahun dari projek disiapkan? Bagaimanakah PBT mengatasi projek telah siap puluhan tahun namun masih belum lagi dapat diserahkan oleh pihak pemaju?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 32 (A166)**

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan satu garis panduan untuk menjalankan operasi tapak perkhemahan bagi menjamin keselamatan kepada pengunjung?

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 33 (A101)**

Peruntukan 3(1) Undang-undang kecil perlesenan anjing PBT mensyaratkan pemilik melesenkan anjing peliharaan mereka, sejauh manakah penguatkuasaan perkara ini sedangkan isu kacau ganggu oleh anjing masih terus berlaku?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 34 (A15)**

Apakah komitmen kerajaan negeri untuk membantu pembangunan pusat pentadbiran baru Bandar Maharani Muar sepanjang Lebuhraya Muar By Pass dari Jalan Dato Hj. Kosai hingga Ke Jalan Temenggong Ahmad sejajar pengisytiharan Bandar Maharani Muar sebagai Bandar Diraja?

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH
TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU
SULTAN JOHOR.**

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 21 Mei 2025, jam 9.30 pagi.